

## Majlis Penyampaian Sijil Akuan bagi wakil pengedaran Pelita Brunei

Jabatan Penerangan telah melantik sembilan wakil pengedaran Pelita Brunei di Daerah Temburong yang terdiri dari jabatan-jabatan kerajaan dan swasta untuk memudahkan orang ramai mendapatkan akhbar rasmi berkenaan.

Pusat-pusat penghantaran meliputi sembilan buah lokasi iaitu di Rumah Persinggahan Kerajaan, Terminal Perahu dan Penumpang Bangar, Bangunan Jabatan Pengangkutan Darat, Ruang Legar Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Bangunan Jabatan Sekolah-sekolah, Bangunan Kompleks Utama Kedai Bumi Putera Pekan Bangar, Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, Kedai Syarikat Kerjasama DTB, Mukim Amo dan Stesen Minyak Negalang Maju Sendirian Berhad.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil-sijil Penghargaan kepada wakil pengedaran Pelita Brunei telah berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Utama Bumi Putera Pekan Bangar pada 12 Mei, 2010 yang disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi dalam ucapannya melahirkan terima kasih dan penghargaan kepada wakil-wakil pengedaran Pelita Brunei yang telah memberikan kerjasama kepada Jabatan Penerangan dalam merealisasikan akhbar berkenaan sampai ke tangan pembaca dengan mudah, cepat, dan selamat.

Beliau berharap supaya wakil-wakil pengedaran Pelita Brunei akan sentiasa memberikan kerjasama yang padu bagi memastikan pengedaran akhbar rasmi kerajaan itu berjalan lancar dan sampai kepada 'audience' di kawasan sekitar penempatan pengedaran yang telah ditentukan.

Menurut beliau, Jabatan Penerangan dalam meningkatkan keupayaannya menyebarluaskan maklumat dengan cepat dan terkini telah melancarkan penerbitan Pelita Online Harian pada 12 Julai 2008, dan orang ramai bolehlah melayarinya di alamat [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn) pada setiap hari bermula jam 8.00 pagi.

Dengan adanya perkembangan terkini, telah membolehkan orang ramai mengikuti berita-berita semasa mengenai kerajaan, aktiviti-aktiviti kementerian dan jabatan kerajaan dan juga aktiviti kemasyarakatan.

Menurut beliau, Jabatan Penerangan juga kini terus berusaha membuat beberapa perancangan strategik bagi meningkatkan dan 'membina' pengedaran Pelita Brunei di seluruh negara. Jabatan Penerangan telah merancang 349 lokasi pusat-pusat penghantaran Pelita



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi menyampaikan sijil kepada salah seorang wakil pengedaran Pelita Brunei.



Pengarah Penerangan ketika menyaksikan pameran mengenai penerbitan dan perisian.

Brunei di seluruh negara bagi tahun 2008 dan 2009 dengan menempatkan peti-peti penyimpanan akhbar tersebut di lokasi yang telah ditentukan di keempat daerah iaitu 247 di Daerah Brunei dan Muara, 37 di Daerah Tutong, 33 di Daerah Belait dan sembilan di Daerah Temburong.

Perkara ini, tambahnya, selaras dengan Visi Jabatan Penerangan untuk 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' yang juga menjadi Moto Pelita Brunei.

Di majlis ini para jemputan juga berkesempatan menyaksikan tayangan klip video mengenai penerbitan Pelita Brunei dua kali seminggu bagi edisi Rabu dan Sabtu dan Pelita Online Harian, di samping berpeluang menyaksikan pameran mengenai penerbitan dan perisian.

## Sidang Redaksi

### Penasihat

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong  
Hajah Noorashidah Haji Aliomar

### Ketua Pengarang

Sastrawati Sarini Haji Julaini  
Haji Dayang Haji Kasim

### Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid  
Hajah Noorhijrah Haji Idris  
Hajah Zaianit Haji Noorkhan  
Aida Hidop

Hajah Apsah Haji Sahdan

### Penyumbang Berita

Mohd. Nizam Abdullah  
Hajah Norpisah Md Salleh  
Nur Amalina Jennifer Abdullah Mok  
Haji Mahmud Hafidzie Haji Masood  
Ismalee Haji Abdul Rahman  
Faridah Haji Kaderi  
Fa'ezah Hayati Haji Abd. Rahman  
Norainah Ibrahim  
Asnah Diwa  
Bahagian-bahagian  
Cawangan Daerah-daerah

### Penyemak

Hajah Norpisah Md Salleh

### Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd Noor

### Fotografi

Bahagian Fotografi  
&

Audio Visual

Bahagian Perkhidmatan Media  
&  
Perhubungan Awam  
Bahagian Berita Inggeris

### Reka Letak

Aida Hidop

## Sekapur Sirih

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera kepada semua warga Penerangan*

Seperti biasanya pada separuh pertama tahun 2010 merupakan waktu yang penuh dengan aktiviti bagi Jabatan Penerangan. Pelbagai perancangan dan projek telah dilaksanakan yang melibatkan seluruh warga Penerangan, sama ada melalui bahagian masing-masing ataupun penglibatan jabatan dengan jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian yang lain.

Satu lagi kemajuan telah juga dicapai pada bulan Mei ini melalui perubahan struktur organisasi Jabatan Penerangan yang dikemaskini. Pengemaskinian ini dihasilkan untuk mensejajarkan fungsi dan peranan jabatan sesuai dengan misi dan visinya. Ia juga bertujuan untuk lebih menyesuaikan lagi fungsi dan peranan bahagian masing-masing, sama ada di dalam Jabatan Penerangan dan juga komitmen dengan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain.

Pada bulan ini juga Jabatan Penerangan terus mengorak langkah memperkuuh dan memperluaskan lagi penyebaran akhbar rasmi kerajaan, Pelita Brunei dengan melantik secara rasminya sembilan wakil pengedaran Pelita Brunei di Daerah Temburong. Lantikan pengedaran berkenaan bertujuan untuk memastikan pengedaran akhbar Pelita Brunei berjalan lancar dan sampai kepada *audience* di kawasan penempatan pengedaran dengan mudah, cepat dan selamat.

Jabatan Penerangan selaku Sekretariat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan (JPAKK & JJK) dalam usahanya untuk memperkuuh tahap perkhidmatan awam, telah menganjurkan Bengkel Penggunaan Sistem Ejaan Rumi Baru, Terjemahan, Terasul dan Bahasa Dalam. Bengkel tersebut diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pegawai dan pengamal perhubungan awam mengenai pentingnya ejaan, tatabahasa yang betul, penterjemahan yang tepat dan juga terasul yang betul dalam tugasan sehari-hari mereka.

Bengkel Pengenalan Perhubungan Awam bagi pegawai-pegawai dan pengamal perhubungan awam di Daerah Belait juga diadakan pada bulan Mei ini bagi mempertingkatkan kemahiran mereka dalam menyampaikan maklumat kepada kumpulan sasaran melalui daya fikir kreatif mengenai isu-isu dan perkembangan terkini dalam bidang perhubungan awam.

Dalam usaha memperkuuh Falsafah Melayu Islam Beraja, Jabatan Penerangan tanpa kendur-kendur meneruskan dan menggiatkan aktiviti ceramah dengan menyasarkan kepada masyarakat Tionghua di Daerah Belait. Ianya bertujuan untuk memberikan kefahaman yang jelas kepada masyarakat Tionghua mengenai sejarah Kesultanan Brunei, di samping menjelaskan peranan mereka selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang permai ini.

Demikianlah antara aktiviti yang berlangsung di sepanjang bulan Mei ini. Lebih banyak lagi acara yang akan berlangsung yang melibatkan Jabatan Penerangan, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Di kesempatan ini juga, Jabatan Penerangan ingin mengucapkan Selamat Menyambut Ulang Tahun Ke-48 kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, semoga akan terus gagah dan kental mempertahankan nusa dan bangsa.

Wassalam.

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong  
Pengarah Penerangan

*Wri Randungan*

- Majlis Penyampaian Sijil Akuan bagi wakil-wakil pengedaran Pelita Brunei 1
- Bengkel Penggunaan Sistem Ejaan Rumi Baru, Terjemahan, Terasul dan Bahasa Dalam 3
- Bengkel Pengenalan Perhubungan Awam di Daerah Belait 4
- Naik Pangkat dan Berkhidmat Semula 4
- Taklimat MIB bagi masyarakat Tionghua Daerah Belait 5
- Majlis Penyerahan Poster Ulang Tahun ABDB Ke-49 5
- Struktur Organisasi Jabatan Penerangan bermula Mei 2010 6
- Kursus Sivik Belia-belia Kampung Kiudang 7
- Program 'Badudun' ke Mukim Amo, Temburong 7
- Ucapan Tahniah 7
- Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2010 8
- Selamat Hari Lahir 8
- MRO bertugas di bulan Mei 8

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perkhidmatan Media & Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012; 2381132 atau 2382548

Atau e-mel terus ke [wartapenerangan@gmail.com](mailto:wartapenerangan@gmail.com)

Layari laman web PELITA BRUNEI melalui:  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>  
E-mail: [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)  
Keluarannya setiap 2 kali seminggu (Rabu dan Sabtu)

## Bengkel Penggunaan Sistem Ejaan Rumi Baru, Terjemahan, Terasul dan Bahasa Dalam

Jabatan Penerangan selaku Sekretariat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Adat Istiadat Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Sejarah telah mengadakan Bengkel Penggunaan Sistem Ejaan Rumi Baru, Terjemahan, Terasul dan Bahasa Dalam pada 6 hingga 8 Mei 2010.

Seramai 60 orang pegawai dan pengamal perhubungan awam dari kementerian dan jabatan kerajaan dan Syarikat Penyajian Diraja Brunei Sendirian Berhad (RBC) telah mengikuti bengkel tersebut yang berlangsung di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan. Penceramah-penceramah terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Adat Istiadat Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Sejarah.

Sepanjang bengkel para peserta telah mendengar ceramah mengenai Penulisan Huruf, Tanda Baca, Penggunaan Kata Pemeri, Kelewanan Bahasa, Terjemahan dan Penggunaan Terasul dan Bahasa Dalam, di samping latihan praktikal mengenai ejaan rumi baru.



Sebahagian para peserta yang menghadiri bengkel tersebut.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong telah menyentuh mengenai objektif bengkel yang diadakan selama dua hari itu yang antara lain bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan pegawai dan pengamal perhubungan awam mengenai pentingnya ejaan dan tatabahasa yang betul, penterjemahan yang tepat dan terasul serta bahasa dalam, dalam tugas sehari-hari pegawai-pegawai dan pengamal perhubungan awam.

Penggunaan yang betul aspek-aspek berkenaan adalah penting

sebagai menggambarkan kewibawaan selaku pegawai dan pengamal perhubungan awam yang bertindak sebagai barisan depan dalam organisasi dan dalam masa yang sama juga memprojek imej organisasi melalui penulisan artikel, surat berita dan juga siaran akhbar, jelas Pengarah Penerangan.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin hadir selaku tetamu kehormat majlis, seterusnya berkesudian menyampaikan sijil kepada penceramah dan pembimbing bengkel serta para peserta di hari terakhir bengkel tersebut.

## Kursus Penerbitan Atas Meja (Adobe InDesign CS4)

Dalam mempelbagaikan kebolehan para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dalam laman perisian reka bentuk sesuai dengan bidang tugas yang diamanahkan, jabatan ini telah menghantar Awang Ismail bin Haji Abdul Rahman dari Bahagian Perkhidmatan Media dan Perhubungan Awam bagi menghadiri Kursus Penerbitan Atas Meja (Adobe InDesign CS4).

Kursus empat hari bermula pada 3 hingga 6 Mei itu dikendalikan bersama oleh Institut Perkhidmatan Awam dan Informars Training & Technology Sdn. Bhd. di Bangunan Jaya Setia Square, Berakas. Pegawai sumber yang memberikan takimat di sepanjang Kursus ialah Muhammad Hadiyatullah bin Haji Yahya dari syarikat berkenaan.

Beliau banyak memberikan latihan secara praktikal sepanjang kursus kepada para peserta selain menerangkan definisi sebenar



Para peserta yang menyertai Kursus Penerbitan Atas Meja.

penerbitan atas meja dan aplikasinya. Tutorial ini cukup menyeluruh dalam membahaskan pelbagai aspek biasa dalam InDesign dan perkembangannya bagi yang baru mengenalinya melalui perisian dari detik permulaan hingga akhirnya.

Adobe InDesign CS4 adalah laman perisian reka bentuk yang mengambil halaman reka bentuk dan penerbitan

cetak yang ketika ini melebihi jangkauannya bagi menggantikan perisian popular seperti PageMaker dan Quark Express. InDesign adalah program penerbitan desktop yang menggabungkan ruang hubung kait dan kemampuan ilustrasi. Hal ini juga memungkinkan untuk berinteraksi lintas platform dengan Illustrator, Photoshop dan Acrobat.

## Bengkel Pengenalan Perhubungan Awam di Daerah Belait



Tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait, Awang Matussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba bergambar ramai bersama Pengarah Penerangan, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, para pegawai kanan dan para peserta bengkel.

Jabatan Penerangan selaku Sekretariat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Lembaga Bandaran Kuala Belait telah mengadakan Bengkel Pengenalan Perhubungan Awam pada 11 hingga 13 Mei 2010.

Bengkel yang berlangsung selama tiga hari itu telah diadakan di Dewan Serbaguna Rumah Persinggahan Kerajaan Kuala Belait bagi seramai 54 orang pegawai dan pengamal perhubungan awam, jabatan-jabatan kerajaan di Daerah Belait.

Objektif bengkel tersebut untuk mempertingkatkan kemahiran pegawai dan pengamal perhubungan awam bagi menyampaikan maklumat kepada khalayak atau kumpulan sasaran melalui daya fikir yang kreatif dengan penampilan gambar yang menarik.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong berkata bengkel tersebut bertujuan

untuk memperkenalkan isu dan perkembangan terkini dalam bidang perhubungan awam, khususnya peranan dan tanggungjawab sebagai pegawai dan pengamal perhubungan awam yang bertanggungjawab dalam menyerlahkan imej kerajaan yang pemedulian, lutan dan dinamik. Peranan sedemikian, katanya lagi, bukanlah suatu yang mudah dan tumbuh secara alami tetapi merupakan kepakaran dan kepandaian yang memerlukan latihan dan pengamalan.

Di sepanjang bengkel, para peserta telah diberi pendedahan mengenai tugas-tugas kerja di bidang perhubungan awam, penulisan berita, newsletter/surat berita dan pengambilan gambar secara teori dan praktikal. Bengkel tersebut diharap akan membawa dimensi dan harapan baru kepada peserta bengkel untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang perhubungan awam untuk memberi maklumat agensi masing-masing dengan menggunakan media cetak dan elektronik serta media baru sebagai platformnya.

Wakil peserta bengkel, Awang Mohd. Khairul Faizal Rizal bin Haji Paijan, Pemangku Ketua Penyiasat Khas, Biro Mencegah Rasuah dalam ucapannya menyatakan bahawa bengkel yang diungkayahkan itu telah memberikan pengetahuan mengenai bidang tugas perhubungan awam, memahami cara penulisan rencana, menerbitkan newsletter dan mempelajari teknik-teknik fotografi yang betul di mana ilmu yang telah diajarkan ini akan dapat diadaptasikan dalam menanai tugas dan tanggungjawab mereka sebagai Pegawai Perhubungan Awam di agensi masing-masing. Setiap peserta juga membuat pembentangan hasil kumpulan mereka untuk dinilai oleh pembimbing bengkel.

Pegawai Daerah Belait, Awang Matussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba hadir selaku tetamu kehormat majlis di hari terakhir bengkel tersebut, seterusnya berkesudian menyampaikan sijil kepada para penceramah dan para peserta kursus.

## Naik Pangkat dan Berkhidmat Semula

Tiga orang pegawai Jabatan Penerangan telah dinaikkan pangkat. Mereka ialah:

1. Awang Haji Roslan bin Haji Mohd. Daud, Pereka Tingkat III dinaikkan pangkat ke jawatan Pereka Tingkat II di Jabatan Penerangan.
2. Awang Abdul Aziz bin Haji Ibrahim, Kerani telah dinaikkan pangkat ke jawatan Penyelia Pejabat Di Jabatan-jabatan Kerajaan.
3. Awang Mohd. Hatral Hazmi bin Abdul Hamid, Juruteknik Foto Tingkat II telah dinaikkan pangkat ke jawatan Juruteknik Foto Tingkat I di Jabatan Penerangan.

Sementara itu, Awang Yahya bin Haji Nasir telah dibenarkan untuk berkhidmat semula setelah bersara sebagai Pembantu Pegawai Luar Penerangan Bergaji Hari.

## Taklimat MIB bagi masyarakat Tionghua Daerah Belait

Masyarakat Tionghua di negara ini terus didekah mengenai falsafah, sejarah dan hal-hal negara bagi mendalam dan memahami makna sebenar Melayu Islam Beraja (MIB).

Lebih 50 orang masyarakat Tionghua di Daerah Belait menghadiri Taklimat MIB yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait yang berlangsung di Dewan Santap, Kuala Belait pada 20 Mei.

Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Dalam taklimatnya, beliau menjelaskan sejarah kewujudan Kesultanan Melayu Islam di negara ini yang bermula pada tahun 1368 Masihi, merupakan satu sistem pemerintahan Negara Brunei Darussalam yang berteraskan MIB.

Taklimat tersebut bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai



Sebahagian para hadirin dan peserta Taklimat MIB anjuran Jabatan Penerangan.

sejarah kesultanan di Negara Brunei Darussalam terutama di kalangan generasi muda.

Masyarakat Tionghua juga berperanan dalam penggunaan Bahasa Melayu, adat resam yang membantu dalam memperkembangkan bidang ekonomi bagi menjana kesejahteraan

dan keamanan negara ini.

Hadir di Majlis Taklimat tersebut ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Matussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohammad Shafiee bin Ahmad.

## Majlis Penyerahan Poster Ulang Tahun ABDB Ke-49

Semangat kepahlawanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang kini berusia hampir 49 tahun merupakan benteng barisan hadapan dalam mempertahankan kedaulatan raja, agama dan negara, manakala rakyat pula sentiasa berdiri teguh di barisan belakang dalam sama-sama mempertahankan negara dari sebarang ancaman.

Sempena Ulang Tahun ABDB pada 31 Mei tahun ini, Jabatan Penerangan telah mencetak 1,200 keping poster untuk diserahkan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Majlis Penyerahan Poster Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-49 telah diadakan di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan pada 22 Mei.

Selain itu Cawangan-cawangan Jabatan Penerangan di Daerah



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi menyerahkan poster kepada Timbalan Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Kolonel Pengiran Zulkifli (kiri) dan kemudian menyerahkan poster kepada Ketua Penerangan Daerah Tutong (kanan).



Belait, Tutong dan Temburong juga turut mempromosi dan mengedarkan poster-poster tersebut di daerah masing-masing.


Penyerahan poster telah disempurnakan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong kepada Timbalan Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Kolonel Pengiran Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail yang kemudiannya menyerahkan poster-poster tersebut kepada wakil unit-

unit tentera ABDB dan wakil agensi-agensi kerajaan.

Turut hadir di majlis itu ialah pegawai-pegawai ABDB, pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan dan Pegawai-pegawai Perhubungan Awam kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-49 pada tahun ini akan diadakan di Penanjong Garison dengan tema 'Mempertahankan Negaraku Brunei Darussalam'.

# Struktur Organisasi Jabatan Penerangan bermula Mei 2010



## Kursus Sivik Belia-belia Kampung Kiudang

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri Cawangan Daerah Tutong selaras dengan peranan Jabatan Penerangan sebagai penyulur maklumat dan pendidik masyarakat telah mengadakan Program Kursus Sivik Belia-belia Kampung Kiudang dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung Kiudang bertempat di Dewan Pengiran Setia Negara, ibu pejabat Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas pada 27 Mei.

Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong hadir di majlis tersebut selaku tetamu kehormat dan berkesudian menyampaikan ucapan alu-aluan dan juga taklimat mengenai Kesultanan Melayu Islam Beraja.

Program yang disertai seramai 30 orang belia-belia Kampung Kiudang itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran para belia mengenai hal-hal semasa perkembangan Negara Brunei Darussalam dan meningkatkan



Ketua Unit Laman Web, Bahagian Berita Inggeris, Awang Haji Ariffin Md. Noor menyampaikan penerangan kepada para belia semasa lawatan ke bahagian tersebut.

patriotisme melalui jurusan media dan publisiti.

Antara objektifnya ialah untuk memberikan peluang belia-belia Kampung Kiudang mengetahui lebih dekat lagi mengenai peranan belia dalam pembangunan negara dan meningkatkan ketahanan jati diri

yang positif serta meningkatkan minat belia-belia dalam jurusan media dan publisiti.

Selain mendengar taklimat, para peserta juga dibawa melawat ke bahagian-bahagian dalam Jabatan Radio dan Televisyen Brunei dan Jabatan Adat Istiadat Negara.

## Program 'Badudun' ke Mukim Amo, Temburong

Program 'Badudun', salah satu kegiatan Jabatan Penerangan merupakan saluran dua hala bertujuan untuk menyampaikan maklumat terutama mengenai isu-isu semasa dalam kerajaan, selain mendapatkan maklum balas dan mengetahui perkembangan penduduk di mukim dan kampung yang dikunjungi.

Program berkenaan juga mencerminkan sikap keprihatinan dan pemedulian berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk negara ini.

Pengarah Penerangan, Dr.

Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan rombongan yang 'Badudun' ke kediaman Penghulu Mukim Amo, Awang Bahrin bin Haji Talib telah mengadakan dialog dan beramah mesra bersama ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan beberapa orang penduduk mukim tersebut pada 22 Mei.

Pada perjumpaan itu, Dr. Muhammad Hadi menjelaskan mengenai tugas dan tanggungjawab Jabatan Penerangan selaku 'mata', 'lidah' dan 'telinga', di samping sebagai penghubung dua hala antara kerajaan dan penduduk negara ini.

Turut disentuh aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan bagi persediaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini di mana beliau menyatakan bahawa tahun ini Mukim Amo dipilih sebagai tempat Kempen Mengibar Bendera yang diungkayahkan oleh jabatan bagi Daerah Temburong sempena perayaan Ulang Tahun Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Di samping itu, beliau turut menyeru kerjasama MPM Amo untuk sama-sama menjayakan kempen tersebut bukan sahaja di kampung-kampung Mukim Amo, bahkan seluruh mukim dan kampung di daerah itu.

## Ucapan Tahniah

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada:

- Awang Haji Rahime bin Haji Anuar dan keluarga sempena perkahwinan anak lelaki mereka, Awang Mohd. Najmie bin Haji Rahime dengan pasangannya, Ampuan Tuty Hidayatti binti Ampuan Ahad pada 2 Mei.
- Dayang Nuruljannah binti Hassan dan suami kerana selamat menimang cahaya mata, seorang anak damit lelaki pada 3 Mei.
- Dayang Hajah Sujimawati binti Haji Mejari dan suami yang telah menerima kehadiran cahaya mata, seorang anak damit perempuan pada 13 Mei.

# Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2010

Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2010 diteruskan lagi bagi bulan April dengan tema 'Street Life' yang penyertaannya dibukakan sehingga 15 Mei.

Bagi Kategori Bahagian Fotografi dan Audio Visual, Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah telah mendapat tempat teratas melalui gambar 'Rutin Harian'. Manakala Dayang Nur Amalina Jennifer binti Abdullah



'Rutin Harian' oleh Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah yang mendapat tempat pertama dalam Kategori Bahagian Fotografi dan Audio Visual.

Mok telah menjuarai Kategori Kakitangan Jabatan Penerangan melalui gambar 'Berdagang Di Jalan Sultan'.

Peraduan anjuran Bahagian Fotografi dan Audio Visual ini diteruskan lagi bagi bulan Mei dengan tema 'Orange Colour' - (buah oren, daun, api, lampu trafik oren, sayur-sayuran warna oren dan sebagainya) dan penyertaan dibukakan sehingga 15 Jun.



'Berdagang Di Jalan Sultan' menjuarai Kategori Kakitangan Jabatan Penerangan oleh Dayang Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok.

## Selamat Hari Lahir

Dayang Nor Hasnah bte Haji Ahaim  
Dayang Norainah bte Haji Ibrahim  
Awang Haji Besar bin Haji Mamit  
Dayang Aida bte Hidop  
Awang Haji Dayang bin Haji Kasim  
Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad  
Dayang Marinah bte Jumat  
Awang Yahya bin Haji Nasir  
Dk. Hajah Fatimah bte Pg. Haji Mohd. Noor  
Dayang Hajah Sabariah bte Haji Drahman

1 Mei  
4 Mei  
7 Mei  
9 Mei  
12 Mei  
14 Mei  
16 Mei  
16 Mei  
20 Mei  
20 Mei

Dayang Hajah Rohayah bte Haji Awang Japar 21 Mei  
Dayang Dona Azfina bte Ibrahim 21 Mei  
Awang Hassim bin Haji Murah 22 Mei  
Awang Haji Roslan bin Haji Mohd. Daud 23 Mei  
Awang Mohd. Zulaidi bin Muhammad 25 Mei  
Dayang Marliana bte Jamal 25 Mei  
Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi 27 Mei  
Dayang Hajah Norpisah bte Mohamed Salleh 27 Mei  
Dayang Mastinah bte Malik 28 Mei

## MRO bertugas di bulan Mei

Para Pegawai Penyelaras Media (MRO) dari Jabatan Penerangan telah ditugaskan di majlis-majlis tertentu sepanjang bulan Mei. Acara-acara tersebut ialah:

Tarikh	Acara
3 Mei	Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sempena Pelancaran Simposium Tempat Kerja Sihat
24 Mei	Sambutan Hari Tenaga
25 Mei	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Perasmian Loji Methanol
26 Mei	Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan
27 Mei	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan
29 Mei	Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Majlis Konvokesyen ITB Ke-19
31 Mei	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-49